



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	21/10/2019	MUKA SURAT	: 31
JABATAN	:	JPS		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

13 mangsa banjir dipindah ke PPS

BENTONG - Seramai 13 mangsa daripada tiga keluarga di Kampung Kuala Repas di sini terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan sementara (PPS) apabila rumah mereka dinaiki air akibat banjir kilat malam kelmarin.

Kesemua mangsa termasuk tujuh kanak-kanak ditempatkan ke PPS di surau kampung berkenaan.

Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Pahang, Penolong Pesuruhjaya (PA) Zainal Yusof berkata, banjir kilat di kampung berkenaan dilaporkan berlaku kira-kira jam 8 malam ekoran hujan lebat yang berlarutan.

Katanya, pihak Sekretariat Pengurusan Bencana Daerah Bentong menerima laporan kejadian

banjir kilat itu 45 minit kemudian.

"Susulan maklumat diterima, pihak APM daerah bersama pegawai Pejabat Daerah dan Tanah Bentong, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) membuat lawatan ke lokasi bagi memberi bantuan awal.

"Hasil pemeriksaan mendapati bahagian dapur, ruang tamu dan bilik tiga rumah terlibat digenangi air memaksa penghuninya dipindahkan ke PPS," katanya.

Zainal berkata, jumlah kerosakan dan kerugian masih dalam siasatan dan mangsa terlibat dinasihatkan membuat laporan polis untuk tindakan lanjut.

FOTO: APM



Anggota APM membantu memasang khemah untuk kegunaan mangsa yang dipindahkan ke PPS kelmarin.